



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BTP) 2023

ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2023

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

BANCI TAHUNAN PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BTP) 2023
BRUNEI DARUSSALAM

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan mengendalikan **Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2023** bagi tahun rujukan 2021 dan 2022 mulai 24 Januari 2023 hingga 28 Februari 2023.
2. BTP 2023 meliputi semua syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan yang aktif menjalankan perniagaan di negara ini dan mengumpulkan maklumat mengenai jenis aktiviti ekonomi, bilangan pekerja, pendapatan dan perbelanjaan perusahaan/perniagaan. Objektif utama BTP 2023 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai profil dan perkembangan aktiviti ekonomi syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan sektor swasta, terutama sekali perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).
3. Borangtanya BTP 2023 akan diedarkan kepada syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan melalui pos, e-mel dan lawatan ke premis perniagaan oleh pekerja luar banci yang dilantik. Pekerja-pekerja luar berkenaan juga akan membantu dan memberikan tunjuk ajar untuk melengkapkan borangtanya berkenaan jika diperlukan. Borangtanya BTP 2023 juga boleh dimuat turun dari laman sesawang JPES. Tarikh tutup untuk mengembalikan borangtanya yang telah diisikan dengan lengkap ke JPES ialah 28 Februari 2023.

4. BTP 2023 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. JPES ingin memberikan jaminan kepada semua syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan yang terlibat bahawa maklumat yang dikumpulkan semasa banci ini akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.
5. Adalah dimaklumkan bahawa menurut Bab 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang dikehendaki atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.
6. Hasil yang diperolehi melalui BTP 2023 akan dapat memberikan maklumat yang komprehensif dan terkini mengenai profil syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan dalam membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan dasar berkaitan perkembangan sektor swasta sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, pihak syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan juga boleh menggunakan data yang diperolehi dari banci berkenaan untuk membuat keputusan dan merancang strategi perniagaan.
7. Sokongan dan kerjasama semua syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan dalam memberikan maklumat yang dikehendaki adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan banci ini.
8. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai BTP 2023 bolehlah dirujuk ke JPES seperti berikut:

Telefon : 2230275 atau 2233344 samb. 647/661/662 (waktu pejabat)

Hotline : 8230275 / 8320275 / 8260276

E-mel : economic.census@jpes.gov.bn

Laman sesawang : <https://deps.mofe.gov.bn>



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

ANNUAL CENSUS OF ENTERPRISES (ACE) 2023
BRUNEI DARUSSALAM

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy will be conducting the **Annual Census of Enterprises (ACE) 2023** for the reference years 2021 and 2022 commencing 24 January 2023 until 28 February 2023.*
2. *ACE 2023 covers all active companies and businesses in the country and collects information on the type of economic activity, number of employment, revenue and expenditure of the businesses. The main objective of the ACE 2023 is to collect latest information on the profile and performance of business enterprises in the private sector, particularly the micro, small and medium enterprises (MSMEs).*
3. *The ACE 2023 questionnaires will be distributed to all companies and businesses by post, e-mail and visits to business premises by appointed census fieldworkers. These fieldworkers will also assist and provide guidance to companies and businesses to complete the questionnaire if required. The ACE 2023 questionnaire can also be downloaded from JPES's website. The closing date for returning the completed questionnaires to JPES is 28 February 2023.*
4. *The ACE 2023 is conducted under the Statistics Act, Chapter 81 from the Laws of Brunei Darussalam. JPES would like to assure all the companies and businesses involved that the information collected during the census will be kept strictly confidential and will be used for statistical purposes only.*

5. *Please be informed that pursuant to Section 9, Statistics Act; failure or reluctance to give the required information or furnishing false particulars is an offence which carries a penalty of a fine of BND4,000.*
6. *Results from the ACE 2023 will provide comprehensive and up-to-date information on the profile of businesses to assist in the planning, research and policy making related to the development of the private sector in contributing towards the country's economic growth. Companies and businesses may also use the data obtained from the census to make decisions and plan business strategy.*
7. *The support and co-operation from all companies and businesses in providing correct and complete information are essential for the success of the census.*
8. *For any enquiries and information regarding ACE 2023, please refer to JPES as follows:*

Telephone : 2230275 or 2233344 ext. 647/661/662 (working hours)

Hotline : 8230275 / 8320275 / 8260276

E-mail : economic.census@jpes.gov.bn

Website : <https://deps.mofe.gov.bn>